

TAHAP PENGUASAAN PELAJAR SARJANA MUDA BAHASA ARAB DI UNIVERSITI AWAM TERHADAP ASPEK-ASPEK PENULISAN KARANGAN DALAM MODUL KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB

**Mohamad Rofian Ismail,¹ Ahmad Redzaudin Ghazali,²
Dr. Khairatul Akmar Abdul Latif³**

Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

mohdrofian@kuis.edu.my, redzaudin@kuis.edu.my, khairatulakmar@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti aspek-aspek penulisan karangan bahasa Arab yang dikuasai oleh pelajar sarjana muda bahasa Arab setelah menggunakan modul kemahiran menulis di universiti awam Malaysia. Sebanyak 283 orang responden daripada empat buah universiti awam dipilih iaitu Universiti Malaya (26 orang), Universiti Kebangsaan Malaysia (41 orang), Universiti Sultan Zainal Abidin (86 orang), dan Universiti Sains Islam Malaysia (130 orang) sebagai sample kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Kaedah analisis deskriptif mudah iaitu skor min analisis digunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Untuk tatacara penganalisaan data kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993). Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati nilai min yang diperolehi daripada keempat-empat universiti untuk 10 item yang dikaji berada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.76 (SP=0.71). Dapatan ini secara tidak langsung memperihalkan bahawa modul kemahiran menulis bahasa Arab diperingkat universiti menekankan aspek-aspek utama kemahiran mengarang yang amat diperlukan oleh pelajar dalam membantu mereka untuk meningkatkan penguasaan kemahiran dan kompetensi diri khususnya dalam penulisan ilmiah di peringkat siswazah. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti dan mendedahkan tahap penguasaan pelajar pada setiap aspek-aspek penulisan karangan bahasa Arab yang dipelajari menggunakan modul kemahiran menulis sedia ada di Universiti Awam.

Katakunci : *Tahap Penguasaan, Aspek, Karangan, Bahasa Arab, Modul Universiti*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Tidak dapat dinafikan modul memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Modul yang baik pastinya memberi kesan yang positif kepada pelajar untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam subjek bahasa Arab.

Menurut Ali Muda (2012), kesukaran mempelajari bahasa Arab mempunyai kaitan dengan penggunaan buku teks atau silibus. Antara faktor yang boleh membawa kepada kesukaran ini ialah modul yang digunakan mengabaikan aspek-aspek tertentu dalam kemahiran bahasa seperti kemahiran membaca dan menulis serta pengabaian terhadap

aktiviti-aktiviti, latihan-latihan yang dapat mendorong penyertaan pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran P&P disamping tiadanya galakan untuk pelajar mempertingkatkan kreativiti mereka dalam menguasai kemahiran bahasa. Justeru, pembinaan silibus yang baik hendaklah memenuhi keperluan pelajar selain sepadan dan secocok dengan kaedah dan teknik P&P yang digunakan.

Terdapat berbagai bentuk modul dan kebanyakan modul mempunyai komponen berikut: Rasional, objektif, ujian masuk, bahan-bahan pelbagai media, kegiatan pembelajaran, ujian sendiri dan ujian pasca (Heinich et al. 1989). Menurut Yusup Hashim dan Razmah Man (1993), ciri-ciri modul yang baik ialah modul yang dibentuk dapat memudahkan pembelajaran sendiri. Pembelajaran anjal perlu digunakan agar modul yang dibina dapat disusun dengan pelbagai cara. Modul yang berkesan juga dapat memberi kebebasan kepada pelajar untuk belajar mengikut masa, keselesaan dan kecepatan sendiri. Selain itu ia boleh digabungkan dengan media lain. Hal ini dapat membentuk pelajar belajar secara perlakuan melalui kegiatan.

Dalam pembinaan modul bahasa Arab, Rusydī 'Ahmad Ṭu'īmat (1997) mengemukakan lima kriteria utama yang menjadi asas kepada pembinaannya iaitu kesahan (*validity*), signifikan (*significant*), kepentingan (*interest*), keupayaan pembelajaran (*learnability*) dan menyeluruh (*universality*). Selain itu, kandungan modul yang digunakan perlu merangkumi aspek bahasa (*Lughawīy*), kesusasteraan (*'Adabīy*), kebudayaan (*Thaqāfīy*) dan sosial (*Ijtimā'īy*).

Modul kemahiran menulis bahasa Arab merangkumi pelbagai aspek dan ciri kandungan berbentuk kemahiran menulis yang sepatutnya diperlukan oleh pelajar mengikut kategori, tahap dan peringkat pengajian masing-masing bermula dari peringkat asas, peringkat pertengahan dan juga peringkat lanjutan. Justeru, kajian ini hanya memberi fokus kepada aspek-aspek penulisan karangan bahasa Arab yang terdapat dalam modul kemahiran menulis yang digunakan oleh pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Univesiti Awam

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk :

- i. Mengkaji ciri-ciri dan aspek-aspek penulisan karangan bahasa Arab yang terdapat dalam buku dan modul pilihan untuk kemahiran menulis bahasa Arab di Malaysia dan Timur Tengah.
- ii. Meninjau sejauhmana aspek-aspek karangan bahasa Arab dalam modul kemahiran menulis yang digunakan oleh pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Univesiti Awam sesuai dan memenuhi keperluan mereka.
- iii. Menganalisis aspek-aspek penulisan karangan bahasa Arab yang terdapat dalam modul kemahiran menulis yang digunakan oleh pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Univesiti Awam.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini akan memberi jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- i. Apakah ciri-ciri dan aspek-aspek penulisan karangan bahasa Arab yang terdapat dalam buku dan modul pilihan untuk kemahiran menulis bahasa Arab di Malaysia dan Timur Tengah?
- ii. Adakah Aspek-aspek karangan bahasa Arab dalam modul kemahiran menulis yang digunakan oleh pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Univesiti Awam sesuai dan memenuhi keperluan mereka?
- iii. Apakah aspek-aspek penulisan karangan bahasa Arab yang terdapat dalam modul kemahiran menulis yang digunakan oleh pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Univesiti Awam.

PERBINCANGAN LITERATUR KAJIAN

Modul merupakan satu kegiatan pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan mengikut jangka masa yang ditetapkan. Sesuatu modul itu adalah lengkap untuk sesuatu unit pembelajaran (Moon, 1988). Pengajaran dan pembelajaran bermodul memberi peluang kepada pengguna untuk belajar secara terarah sendiri, akses sendiri dan mengikut keupayaan sendiri. Oleh itu, modul yang terancang merupakan cara terbaik untuk memilih dan menyampaikan isi kandungan pelajaran secara tersusun, terancang serta berperingkat (Jonassen at al. 1985).

Modul kemahiran menulis bahasa Arab biasanya mengandungi pelbagai bentuk dan corak pada isi kandungan berdasarkan objektif pengajaran dan pembelajaran yang disasarkan. Berikut dinyatakan beberapa gambaran, corak dan ciri silibus yang terdapat pada modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab untuk bukan penutur jati bahasa Arab di Malaysia dan Timur Tengah.

- a) Māhir Syāban 'Abdul Bārīy, (2010) *al-Kitābat al-Wazīfiyyat Wa al-Ibdā'iyyat, al-Majālāt, al-Mahārāt, al-Ansyīyat, Wa al-Taqwīm. Dār Al-Masīrat :Amman*. Buku ini menerangkan tentang jenis-jenis penulisan karangan bahasa Arab serta kaedah dan strategi yang diguna pakai dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Ia meliputi penerangan secara teori dan praktikal. Ia juga menyentuh secara langsung tentang bentuk penulisan karangan rasmi dan karangan kreatif beserta latihan-latihan pengukuhan. Terdapat banyak contoh-contoh karangan dengan pelbagai format dan bentuk dipetik dari akhbar seterusnya digunakan secara realiti dalam dunia Arab. Namun begitu, buku ini tidak sesuai dan tidak menepati keperluan pelajar yang bukan penutur jati bahasa Arab dalam mempelajari teknik mengarang kerana perbendaharaan kata dan gaya bahasa yang digunakan adalah terlalu tinggi dan hanya bersesuaian dengan orang Arab.
- b) Nazifah Mohd. Said, Hisomuddin Ahmad, Nur Hafizah Abdul Aziz, (2014) *Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Al-Marhalat Al-Jāmi'iyyat, Al-Qirā'at Wa Al-Kitābat*. UKM cetak: Selangor. Buku ini dikarang khusus untuk semua pelajar sarjana muda di USIM. Buku ini memberi penekanan kepada dua kemahiran bahasa sahaja, iaitu membaca dan menulis. Ia juga ditulis oleh penulis bukan Arab khusus untuk pelajar Malaysia. Buku ini memaparkan perkaitan rapat antara kemahiran membaca dan menulis. Kandungan kemahiran menulis bermula dengan membina ayat sehingga pelajar dapat menyediakan sebuah karangan lengkap berdasarkan langkah-langkah dan prosedur

penulisan yang telah dicadangkan. Walaupun terdapat kelemahan lain seperti kesesuaian pemilihan topik, penggunaan tanda wacana, dan kaedah umum penulisan yang tidak dinyatakan dalam buku ini namun ia amat bermanfaat kepada pelajar dalam merancang dan menulis karangan.

- c) Rozuki Arifin dan Marzuki Manan, (2011). *Teknik Efektif Penulisan Bahasa Arab*. Nadwa Enterprise : Selangor. Ini adalah antara beberapa buku akademik berkaitan kemahiran menulis karangan bahasa Arab yang di tulis oleh penutur bukan jati bahasa Arab. Ia dikarang khusus kepada pelajar yang bukan penutur asli bahasa Arab. Persembahan buku ini sangat menarik kerana ia menggunakan dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab dalam penerangan dan penjelasan kaedah dan teknik mengarang. Kandungan Buku ini bermula dengan pembinaan perkataan seterusnya ungkapan atau frasa, kemudian pembinaan ayat, diikuti dengan pembinaan perenggan perenggan yang akhirnya membentuk satu karangan lengkap. Buku ini menerapkan sentuhan pemikiran Melayu dalam mengarang dengan menyamakan istilah-istilah dalam sistem bahasa Arab dengan istilah istilah dalam sistem bahasa Melayu. Walaupun buku ini ditulis berdasarkan pengalaman penulis dalam pengajaran bahasa Arab, namun masih terdapat kelemahan dan kekurangan yang perlu dibuat penambahbaikan seperti kecelaruan dalam prosedur mengarang, ketiadaan langkah langkah pengajaran dalam membina struktur ayat sehingga membentuk satu karangan yang lengkap.
- d) Marzuki Manan, (2014). *Contoh-Contoh Karangan Bahasa Arab*. Penerbitan Fargoes Sdn Bhd : Kuala Lumpur. Buku ini menghimpunkan contoh-contoh karangan mudah bahasa Arab merangkumi karangan berbentuk bibliografi, trevelog (Catatan perjalanan), memberikan pendapat, laporan, kata-kata hikmah dan juga madah pujangga Arab. Karangan yang dimuatkan dalam buku ini bersesuaian dengan tahap pelajar sekolah menengah di Malaysia. Persembahan isi kandungan adalah secara santai dan mudah iaitu dimulai dengan petikan karangan, kemudian kosa kata penting dikeluarkan dari petikan seterusnya mengeluarkan dua jenis struktur frasa iaitu struktur frasa kata nama dan struktur frasa kata sifat. Isi kandungan buku ini dipersembahkan menggunakan dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Terdapat 119 tajuk karangan contoh bahasa Arab yang mudah dalam buku ini yang dapat dimanfaatkan oleh pelajar Malaysia. Kekurangan yang nyata pada buku ini ialah ia terlalu mudah dan santai sehingga mengabaikan strategi dan teknik pengajaran kemahiran mengarang. Tiada teori dan model pengajaran yang diketengahkan sekaligus merencatkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar.
- e) 'Ibrahim Shamsuddin, (2004) *Marja' al- Ṭullab fī Taysīr Al-'Insyā' . Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat* : Lubnan. Buku ini adalah buku yang telah dipermudahkan dalam pengajaran asas karangan bahasa Arab untuk pelajar peringkat awalan. Ia adalah buku rujukan untuk pelajar Arab peringkat permulaan dalam mengarang karangan berbentuk deskriptif dan penceritaan. Terdapat banyak panduan menulis karangan serta latihan bersifat intensif seperti teknik membina idea utama, mengembangkan isi kandungan dan menguatkan idea utama menggunakan ayat penguat dan sokongan seperti kata-kata ulamak, pepatah Arab, kata-kata hikmah dan juga sya'ir-sya'ir. Buku ini amat sesuai untuk penutur asli bahasa Arab namun beberapa teknik, corak dan

kaedah persembahan buku ini perlu diolah dan disesuaikan mengikut tahap penguasaan pelajar yang bukan penutur jati bahasa Arab.

- f) Fakhrīyy Khalīl al-Najjār, (2011). *al-'Usus al-Fannīyyat Li al-Kitābat Wa Al-Ta'bīr . Dār Al- Şafa* : Jordan. Buku ini memaparkan teknik penulisan karangan bermula dari awal penulisan sehingga menghasilkan karangan yang lengkap berdasarkan teori penulisan karangan yang dipelopori oleh pakar bahasa dari barat dan timur tengah. Ia merupakan panduan asas penulisan karangan yang menekankan sistem penulisan 'Imla', ciri-ciri penulisan yang baik, prosedur penulisan karangan, penulisan karangan mengikut bentuk dan jenis dan sebagainya. Buku ini mengandungi sebelas tajuk utama yang menyentuh secara terperinci prinsip dan asas utama dalam kemahiran menulis karangan. Secara umumnya, buku ini kurang sesuai dengan tahap pelajar Malaysia kerana kosa kata, frasa dan gaya bahasa Arab yang dipilih dan digunakan terlalu tinggi dan hanya sesuai dengan penutur asli bahasa Arab.
- g) 'Abdul Latīf Saīd, (tt) *al-Ta'bīr al-Madrasīyy. Dār Muhraṭ Li Al-'Ulum* : Syria. Ini ialah buku panduan menulis karangan bahasa Arab peringkat menengah untuk penutur jati Bahasa Arab. Terdapat kepelbagaian cara penulisan karangan dan teknik yang digunakan seperti merancang, membina idea, menyokong isi seterusnya membentuk karangan yang membantu pelajar menguasai kemahiran menulis dengan cepat. Pelajar diajar menulis berdasarkan perkataan dan ungkapan yang diberikan. Buku ini lebih kepada modul penulisan karangan berpandu seolah-olah seperti modul pembelajaran sendiri yang membantu pelajar menulis karangan tanpa bimbingan guru. Ia merangkumi tajuk- tajuk seperti majlis dan upacara sambutan, nilai-nilai akhlak, kemasyarakatan dan permasalahan sosial. Walaupun buku ini dikhususkan kepada penutur jati bahasa Arab, namun pengkaji merasakan buku ini amat sesuai digunakan dalam membina dan menyediakan modul mengikut format dan gaya persembahan yang digunakan dalam buku ini. Sedikit penyesuaian dan pengolahan format, pemilihan kosa kata dan langkah langkah membina karangan perlu dibuat agar ia menepati objektif pembelajaran pelajar yang merupakan bukan penutur jati bahasa Arab.
- h) Muhammad Ghāzīy al-Tadamurīy (1999) *al-Ta'bīr al-Fannīy. Dār Al- 'Irsyād*: Syria. Buku ini memaparkan tajuk-tajuk karangan Bahasa Arab yang telah disesuaikan dengan silibus pendidikan moden. Kesesuaian ini merangkumi tahap dan peringkat pengajian tinggi pelajar. Terdapat banyak teori penulisan karangan dan kaedah menulis dalam buku ini. Ia mengajak pengkaji menilai dan membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam pembinaan modul. Walaubagaimanapun, buku ini dikhususkan kepada penutur jati bahasa Arab. Pengkaji perlu memperhalusi setiap topik yang terdapat dalam buku ini seterusnya membuat penyeragaman antara kandungan buku dengan sukatan pelajaran kemahiran menulis karangan untuk disesuaikan dengan tahap pembelajaran pelajar peringkat tinggi di Malaysia.
- i) 'Iman al-Lihām, Muhammad al-Hawlīy, (2008). *al-Ta'bīr al-Kitābīy, al-Kitāb al-Awwal*. Prospecta Printers Sdn. Bhd : Kuala Lumpur. Buku ini ditulis oleh pengarang Arab yang mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab untuk penutur bukan jati Bahasa Arab. Ia di reka khusus untuk pelajar yang bukan Arab dalam mempelajari kemahiran membina ayat seterusnya menulis karangan mudah. Ini ialah buku menulis

karangan bahagian pertama yang menekankan tajuk-tajuk penting dalam proses mengarang seperti penggunaan tanda wacana, tanda-tanda bacaan, teknik penulisan surat, penulisan berbentuk iklan, kaedah penulisan *hiwār*, teks ucapan, penulisan artikel, penulisan deskriptif dan teknik membuat rumusan. Walaupun terdapat kelemahan seperti kesesuaian pemilihan kosa kata, ketinggian gaya dan laras bahasa serta topik mengarang namun, pengkaji berpendapat bahawa buku ini boleh dijadikan panduan dalam merangka keperluan asas pelajar dan penentuan isi kandungan modul dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Arab peringkat tinggi.

- j) Muhammad Razqan Al-Farah (2007). *al-Wādiḥ Fī al-'Insyā' al-'Arabiyy*. Cetakan Kedua, Damsyik, Syria. Buku ini menerangkan teknik dan kaedah penulisan karangan untuk penutur asli bahasa Arab. Buku ini sesuai untuk dijadikan panduan kerana terdapat penerangan tentang kaedah mengarang bahasa Arab bermula dari peringkat awal lagi seperti membina ayat, cara menghasilkan idea utama seterusnya membina ayat. Namun begitu, sedikit pengolahan dan pengubahsuaian pada silibus yang digunakan dalam buku ini perlu dilakukan agar ia tidak melangkaui tahap penguasaan pelajar IPT di Malaysia.

Secara kesimpulannya, modul kemahiran menulis yang dirangka, direka bentuk, disusun dan dibangunkan perlu mengambil kira aspek aspek penting pembangunan modul berdasarkan citarasa, kehendak dan keperluan pengguna sasaran iaitu pelajar di Universiti Awam yang mengambil jurusan bahasa Arab. Aspek penulisan karangan bahasa Arab yang sesuai sepatutnya mengandungi satu prosedur atau tatacara penulisan karangan bahasa Arab bermula daripada kemahiran menulis ayat, seterusnya mengembangkan ayat, sehingga pelajar mampu menyiapkan satu karangan persuasif yang mudah yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu pendahuluan, isi dan penutup.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 283 orang responden dipilih sebagai sampel kajian daripada empat buah universiti awam iaitu Universiti Malaya (26 orang), Universiti Kebangsaan Malaysia (41 orang), Universiti Sultan Zainal Abidin (86 orang), dan Universiti Sains Islam Malaysia (130 orang). Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis diskriptif mudah iaitu *skor min analysis*. Pengkaji memilih interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993) dalam proses analisis, seperti dalam Jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 3 Tahap Skala *Likert*

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

ANALISIS KAJIAN

Analisis skor min telah dijalankan ke atas item-item yang berkaitan dengan domain aspek penulisan karangan Bahasa Arab dalam modul bagi keseluruhan universiti. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan nilai min yang diperoleh untuk 10 item yang dikaji.

Jadual 1.1 : Min Aspek Penulisan Karangan Bahasa Arab Pelajar Universiti

Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya menulis karangan bahasa Arab berpandukan modul yang disediakan.	0 0%	13 4.6%	69 24.4%	181 64.0%	20 7.1%	3.73	0.6 6	Tinggi
Modul yang saya guna mengandungi semua kemahiran menulis dan tidak khusus pada kemahiran mengarang sahaja.	2 0.7 %	16 5.7%	75 26.5%	169 59.7%	21 7.4%	3.67	0.7 3	Tinggi
Modul yang digunakan dapat meningkatkan penulisan Karangan bahasa Arab saya.	1 0.4 %	12 4.2%	47 16.4%	188 66.4%	35 12.4%	3.86	0.6 9	Tinggi
Modul penulisan karangan yang saya gunakan sangat mudah.	0 0%	15 5.3%	64 22.6%	182 64.3%	22 7.8%	3.75	0.6 7	Tinggi
Isi kandungan modul dapat memenuhi keperluan saya dalam mengarang karangan bahasa Arab.	1 0.4 %	12 4.2%	60 21.2%	183 64.7%	27 9.5%	3.79	0.6 8	Tinggi
Latihan dan ujian dalam modul karangan bahasa Arab adalah mencukupi.	2 0.7 %	20 7.1%	106 37.5%	136 48.1%	19 6.7%	3.53	0.7 5	Sederhana

Latihan dan ujian dalam modul telah mengukuhkan kemahiran saya dalam menulis karangan bahasa Arab.	1 0.4 %	18 6.4%	74 26.1%	166 58.7%	24 8.5%	3.69	0.7 3	Tinggi
Model menulis karangan dalam modul dapat memudahkan saya mengarang bahasa Arab.	0 0%	12 4.2%	57 20.1%	175 61.8%	39 13.8%	3.85	0.7 0	Tinggi
Langkah-langkah penulisan karangan bahasa Arab yang digunakan dalam modul sangat mudah difahami dan diikuti.	0 0%	14 4.9%	64 22.6%	172 60.8%	33 11.7%	3.79	0.7 1	Tinggi
Kaedah pengajaran karangan bahasa Arab oleh pensyarah memberi kesan positif kepada penulisan karangan saya.	3 1.1 %	10 3.5%	48 17.0%	162 57.2%	60 21.2%	3.94	0.7 9	Tinggi
Min Keseluruhan						3.76	0.7 1	Tinggi

Jadual 4.7 menunjukkan min keseluruhan item untuk domain kajian berkaitan persepsi pelajar sarjana muda bahasa Arab di UM, UKM, USIM dan UNISZA terhadap modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab yang mereka pelajari di universiti. Secara umumnya, nilai min yang diperoleh daripada keempat-empat universiti untuk 10 item yang dikaji berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.76 (SP=0.71).

Sembilan item mendapat min yang tinggi adalah kaedah pengajaran karangan bahasa Arab oleh pensyarah memberi kesan positif kepada penulisan karangan saya (min=3.94, sp=0.79), modul yang digunakan dapat meningkatkan penulisan karangan bahasa Arab saya (Min=3.86, SP=0.69), model menulis karangan dalam modul dapat memudahkan saya mengarang bahasa Arab (Min=3.85, SP=0.70), isi kandungan modul dapat memenuhi keperluan saya dalam mengarang karangan bahasa Arab (Min=3.79, SP=0.68), langkah-langkah penulisan karangan bahasa Arab yang digunakan dalam modul sangat mudah difahami dan diikuti (3.79, SP=0.71) dan modul penulisan karangan yang saya gunakan sangat mudah (3.75, SP=0.67).

Item-item yang berikutnya adalah item saya menulis karangan bahasa Arab berpandukan modul yang disediakan (Min=3.73, SP=0.66), latihan dan ujian dalam modul telah mengukuhkan kemahiran saya dalam menulis karangan bahasa Arab (Min=3.69,

SP=0.73), dan item modul yang saya guna mengandungi semua kemahiran menulis dan tidak khusus pada kemahiran mengarang sahaja (Min=3.67, SP=0.73).

Namun begitu, terdapat satu item yang mendapat min yang sederhana iaitu item latihan dan ujian dalam modul karangan bahasa Arab adalah mencukupi (3.53, SP=0.75). dapatan ini menunjukkan bahawa latihan dan ujian dalam modul penulisan karangan sedia ada di Universiti Awam di Malaysia pada pandangan pelajar adalah tidak banyak tetapi mencukupi. Hal ini bermaksud, latihan dan ujian dalam modul sedia ada di universiti Awam perlu ditingkatkan dan dibuat penambahbaikan agar mencukupi dan bersesuaian dengan tahap kemahiran bahasa pelajar.

Secara keseluruhannya, dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa hampir keseluruhan item yang berkaitan domain modul penulisan karangan pelajar seperti model penulisan karangan, kaedah pengajaran modul, isi kandungan modul, dan langkah-langkah pengajaran modul berada pada tahap yang tinggi. Pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam di Malaysia bersetuju dengan kesembilan item yang berkaitan ciri-ciri modul kemahiran menulis karangan yang mereka pelajari di universiti terutama pada beberapa item yang memperoleh peratusan persetujuan yang tinggi iaitu 75.6% untuk model penulisan karangan, 78.4% untuk kaedah pengajaran modul dan 72.5% untuk langkah-langkah penulisan karangan dalam modul. Peratusan yang diperoleh ini walaupun menunjukkan nilai yang tinggi tapi sebenarnya masih belum mencapai tahap persetujuan yang dikehendaki iaitu melebihi 90 peratus persetujuan pelajar. Justeru, modul penulisan karangan yang sedia ada di universiti perlu dibuat penambahbaikan pada aspek-aspek yang telah dinyatakan tadi agar ia lebih sesuai dan berkesan seterusnya dapat meningkatkan kualiti penulisan karangan bahasa Arab pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis skor min di atas, kajian ini merumuskan bahawa persepsi pelajar sarjana muda bahasa Arab terhadap modul kemahiran menulis karangan yang mereka gunakan di universiti masing-masing adalah baik dari pelbagai aspek yang dikaji. Namun, terdapat aspek-aspek lain yang boleh dibuat penambahbaikan pada modul tersebut agar dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengarang. Hal ini kerana skor min untuk aspek-aspek tersebut adalah rendah berbanding dengan aspek-aspek yang lain. Aspek-aspek tersebut ialah:

- a) Latihan dan ujian dalam modul karangan bahasa Arab adalah mencukupi (Min=3.53).
- b) Modul yang digunakan mengandungi semua kemahiran menulis dan tidak khusus pada kemahiran mengarang (Min=3.67).
- c) latihan dan ujian dalam modul telah mengukuhkan kemahiran pelajar dalam menulis karangan bahasa Arab (Min=3.69).

Dapatan ini secara tidak langsung memperihalkan ketiga-tiga aspek ini perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Arab di peringkat universiti.

CADANGAN DAN PENYELESAIAN

Setelah di analisis data dan dibincangkan dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa solusi dan cadangan ke arah penambahbaikan modul kemahiran penulisan karangan bahasa Arab untuk pelajar sarjana muda Bahasa Arab di Universiti Awam. Setiap butiran cadangan dan solusi tersebut adalah sebagaimana berikut :

1. Modul kemahiran menulis bahasa Arab di Universiti Awam perlu mempelbagaikan bentuk dan corak latihan mengarang secara intensif bagi meningkatkan keberkesanan pelajar menguasai kemahiran mengarang.
2. Isi kandungan modul kemahiran menulis bahasa Arab di Universiti Awam perlu seimbang dan tersusun bermula dari aspek yang paling mudah kepada aspek yang paling sukar. Penyusunan isi kandungan modul perlu dijalankan berdasarkan tahap dan peringkat pengajian pelajar.
3. Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran yang sangat tinggi dan sukar dikuasai oleh bukan penutur jati bahasa Arab peringkat universiti. Justeru, dicadangkan agar dibangunkan satu modul khusus untuk kemahiran mengarang yang menekankan aspek-aspek penting dalam penulisan karangan berdasarkan keperluan pelajar.

PENUTUP

Kajian ini merumuskan bahawa kesemua objektif kajian yang telah digariskan didapati telah tercapai. Hal ini kerana ciri-ciri dan aspek-aspek penulisan karangan bahasa Arab yang terdapat dalam 10 buah buku dan modul pilihan yang dikaji untuk kemahiran menulis bahasa Arab di Malaysia dan Timur Tengah sebahagian besarnya telah memenuhi citarasa dan keperluan pelajar peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Manakala dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar sarjana muda bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia terhadap isi kandungan modul kemahiran menulis berada pada tahap yang tinggi iaitu sangat baik.

RUJUKAN

Ali Muda. (2012). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi Dari Perspektif Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Sabk). *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), 2012*. (Halaman: 34-47).

- Jamil Ahmad. (1993). *Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah Negeri Kedah Darul Aman*. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Heinich, R., Mollenda, M. & Russell, J.D., (1989). *Instructional Media and the New Technology of Instruction*, New York: Mc Millan Publishing Co.
- Jonassen, D.H.,Peck,K.L.&Wilson,N.L. (1985). *Learning Strategies: A new educational technology programmed* . *Learn & Educational Technology* 22: (Halaman: 26-34).
- Moon, B. (1988). *Introducing the modular curriculum to teachers*. London ;Paul Chapman
- Rusydī 'Ahmad Ṭu'īmaṭ. (1997). *al-'Usus al-'āmah Limanāhij Ta'lim al-Luḡaṭ al-'Arabiyyaṭ, I'dāduhā-Tatwīruhā-Taqwīmuhā*. Dār al-Fīkr al-'Arabiyy, Kaherah.
- Yusup Hashim & Razmah Man. (1993). *Pembinaan modul pengajaran menggunakan prinsip rekabentuk pengajaran. Kertas kerja bengkel penulisan bahan pengajaran sendiri untuk kakitangan akademik kampus cawangan Perak & Pusat Pengajian Luar Kampus ,USM*.